

# Sembuhkan "barah" demokrasi dengan visi Injil

**TRIESTE, Itali:** Sri Paus Fransiskus menggesa umat Katolik untuk membantu membetulkan proses demokrasi melalui komuniti dan politik amal kasih. "Janganlah kita terpedaya dengan penyelesaian mudah. Sebaliknya, marilah kita bersemangat tentang kebaikan bersama," katanya pada persidangan Katolik mengenai demokrasi di bandar Trieste, Itali pada Julai 7.

Bapa Suci Fransiskus mengambil bahagian pada pagi terakhir Minggu Sosial Katolik ke-50, mesyuarat tahunan Gereja Katolik di Itali yang bertujuan mempromosikan doktrin sosial Gereja.

Tema kongres yang bermula pada Julai 3 hingga 7 ialah "Di Jantung Demokrasi: Berpartisipasi antara Sejarah dan Masa Depan."

Acara tahunan itu, yang dimulakan semula pada tahun 1988, menggunakan Doktrin Sosial Gereja yang bertujuan untuk menawarkan visi Injil tentang fenomena sosial.

Sama seperti krisis demokrasi merentasi pelbagai realiti dan Negara, begitu juga sikap tanggungjawab terhadap transformasi sosial memanggil semua orang Kristian, di mana sahaja mereka tinggal dan bekerja, di setiap bahagian dunia."

Sri Paus Fransiskus kemudian menawarkan imej krisis demokrasi sebagai "hati yang terluka," di mana rasuah dan penyisihan sosial boleh berleluasa, kuasa mementingkan diri dan pihak tertentu serta tidak mampu melayani pengundinya.



Sri Paus Fransiskus menyapa seorang wanita berusia 111 tahun, bernama Maria, menghadiahkannya rosari dan memberkati wanita itu sebelum merayakan Misa di Dataran Unità d'Italia, Trieste, Julai 7, 2024. Gambar: Media Vatikan.

"Perkataan 'demokrasi' bukan semata-mata berkaitan dengan undi rakyat tetapi perlu mewujudkan peluang bagi semua orang untuk menyatakan diri dan mengambil bahagian," katanya.

Penyertaan demokratik, harus dipupuk pada usia muda, agar rakyat berjaga-jaga akan "godaan ideologi dan populis."

Bapa Suci menyeru orang Kristian untuk mempromosikan dialog antara agama dan masyarakat yang bermanfaat membawa kehar-

monian serta menjunjung martabat manusia.

"Prinsipperpaduan dan subsidiariti," katanya, membantu membina ikatan demokrasi, kerana ia menggalakkan penyertaan dan mengatasi sikap acuh tak acuh, yang merupakan "barah demokrasi."

Sri Paus juga mengajak umat untuk menegakkan matlamat penyertaan demokratik dengan imej "hati yang disembuhkan."

"Jika kita melihat sekeliling, kita melihat banyak tanda tindakan Roh Kudus dalam

kehidupan keluarga dan masyarakat, dalam bidang ekonomi, teknologi, politik dan masyarakat."

Persaudaraan, membuat hubungan sosial berkembang dan melahirkan semangat aspirasi kolektif, ujar Sri Paus.

"Demokrasi dengan hati yang terubat," dapat terus memupuk impian untuk masa depan, melibatkan diri dan menyeru penglibatan peribadi dan komuniti."

Fransiskus juga menyeru para peserta agar tidak terpedaya dengan penyelesaian mudah kepada krisis demokrasi dan menggesa mereka supaya bersemangat tentang kebaikan bersama.

"Kita mempunyai tugas untuk tidak memanipulasi perkataan demokrasi atau memutarbelitkannya dengan tajuk kosong.

"Demokrasi bukan kotak kosong, tetapi ia berkait rapat dengan nilai-nilai peribadi, persaudaraan, dan juga ekologi," tegas Sri Paus.

Sri Paus menggesa semua penganut Katolik agar membantu proses penyembuhan proses demokrasi melalui penglibatan, bukan berdiam diri.

"Kita mesti menjadi suara, suara yang mengkritik secara membina dan memberi cadangan dalam masyarakat, khususnya mereka yang didiamkan kerana ketidakadilan sosial!"

Penglibatan Kristian dalam politik mesti mengutamakan kebajikan dan amal kasih dalam politik agar melangkaui polarisasi.

"Marilah kita melatih diri kita dalam cinta ini untuk menyebarkannya dalam dunia yang kekurangan semangat berjalan bersama. Marilah kita belajar untuk berjalan bersama-sama dengan lebih baik sebagai umat Tuhan, menjadi raga penyertaan di antara orang-orang di tempat kita sendiri." — CNA

## Kanak-kanak Myanmar kehilangan impian, lebih 13,000 sekolah ditutup akibat perang

YANGON: Masyarakat di Myanmar menyatakan kekecewaan mereka kerana lebih dari seperempat sekolah di negara tersebut ditutup akibat konflik yang masih berterusan, menyebabkan puluhan ribu kanak-kanak tidak memiliki peluang pendidikan, lapor *Radio Free Asia* (RFA) pada Julai 8 lalu.

Sekitar 13,700 dari 48,753 sekolah di Myanmar telah ditutup akibat perang di negara tersebut.

"Kanak-kanak di Myanmar telah kehilangan impian mereka. Potensi mereka

untuk menjadi warganegara yang cemerlang sedang dimusnahkan," kata U Htay, seorang penduduk desa Ma Taw, di Mingin Sagaing, kepada RFA.

Junta tentera Myanmar telah merampas kuasa dengan menggulingkan kerajaan Liga Kebangsaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi. Rampasan kuasa itu telah mencetuskan kecaman antarabangsa.

Tentera junta sering menyasarkan rumah orang awam, bangunan, termasuk sekolah dan Gereja, semasa atau selepas bertempur dengan

penunjuk perasaan serta pejuang demokrasi.

Kebanyakan sekolah masih dibuka di ibu kota komersial Yangon dan wilayah Ayeyarwady yang berdekatan.

"Tetapi sekolah-sekolah itu juga telah menjadi sasaran serangan udara junta," kata Sai Khine Myo Tun, timbalan menteri pendidikan.

Sekolah-sekolah di Myanmar ditutup selama 532 hari antara Februari 2020 dan 2022, menjadikannya negara dengan penutupan sekolah terlama di kawasan Asia Timur dan Pasifik (EAP).

Rejim junta telah mengarahkan pembukaan kembali sekolah pada November 2021, namun hampir 30 peratus tenaga pengajar bergabung dengan gerakan membantah kerajaan junta sehingga mereka diberhentikan dan menyebabkan sekolah ditutup kerana ketiadaan guru.

*World Bank Group* mencatatkan jumlah kanak-kanak berusia enam hingga 22 tahun yang bersekolah di Myanmar menurun dari 69.2 peratus pada tahun 2017 menjadi 56.8 peratus pada tahun 2023, — *ucanews.com*

# Erti kedukaan kita

Kita menjalani kehidupan ini dengan “berkabung dan menangis di lembah air mata.” Ini adalah sebahagian daripada doa yang ibu bapa saya doakan setiap hari seperti yang dilakukan oleh ramai orang lain dalam generasi mereka.

Berdasarkan sensitiviti kontemporari (dan kerohanian berat sebelah), ini mungkin kedengaran tidak baik.

Adakah kita perlu menerima kehidupan kita sebagai masa berduka dan tidak akan mendapat kebahagiaan? Betulkah ini yang dikehendaki oleh Tuhan daripada kita?

Mengambil perkataan ini dan memahaminya secara harfiah, boleh menjadikan kita gerun. Namun, Tuhan tidak meletakkan kita ke dunia ini untuk menderita demi masuk syurga. Tidak!

Tuhan adalah ibu bapa yang baik. Ibu bapa yang baik membawa anak-anak ke dunia ini dengan tujuan agar mereka berkembang dan mencari kebahagiaan.

Tetapi mengapa iman Kristian kita meminta kita untuk memahami diri kita sebagai berkabung dan menangis di lembah air mata?

Bagi ibu bapa saya, frasa itu membawa penghiburan tertentu, iaitu, kehidupan mereka tidak sempurna.

Doa itu memberi mereka “izin rohani” untuk menerima bahawa dalam hidup akan ada kekecewaan, penderitaan, kemiskinan, penyakit, kehilangan, impian yang kecewa, sakit hati, salah faham dan kematian.

Mereka tidak pernah terlalu menjangkakan atau mengharap dan memahami bahawa adalah mengalami kesakitan dan kekecewaan adalah perkara biasa.

Secara paradoks, dengan menerima kenyataan ini, mereka dapat memberi izin kepada diri mereka sendiri untuk menikmati detik-detik indah dalam hidup tanpa rasa bersalah.

Namun, apa yang merisaukan saya ialah kita tidak melengkapkan diri kita mahupun generasi akan datang dengan sarana atau bantuan yang diperlukan bagi menghadapi

kekecewaan, putus asa dan patah hati tanpa kehilangan iman (dan kadang-kadang juga dalam jiwa dan nyawa).

Hari ini, sebahagian besar jangkakan bi-asa kita adalah bahawa kita tidak sepatutnya mendapati diri kita berkabung dan menangis, sebaliknya kehidupan harus menyampaikan simfoni penuh.

Kita tidak lagi merasakan bahawa kita perlu izin rohani untuk menangis.

Kerohanian yang kita hirup hari ini daripada Gereja, ahli teologi, dan penulis rohani, mempunyai banyak kelebihan.

Walau bagaimanapun, pada fikiran saya, sebahagian besar kerohanian hari ini tidak meninggalkan ruang yang mencukupi untuk berduka dan menyebabkan ramai orang di dunia sekular mengalami kekosongan.

Kita tidak menyediakan ruang yang cukup untuk kesedihan, sama ada di Gereja kita atau dalam kehidupan kita.

Kita juga tidak memberi orang bantuan atau sarana yang mereka perlukan dalam menangani kekecewaan, kehilangan dan kesedihan, mahupun cara berduka apabila ditimpa musibah.

Selain upacara pengebumian, kita sebenarnya menyediakan sedikit ruang untuk kesedihan. Lebih teruk lagi, kita cenderung untuk memberi gambaran bahawa ada sesuatu

yang tidak kena dalam hidup kita jika kita bersedih. Apakah nilai dan manfaatnya bersedih?

Pertama, seperti yang dijelaskan secara puitis oleh Karl Rahner, ia adalah satu cara untuk menerima bahawa dalam penderitaan akibat keterbatasan segala yang boleh dicapai, kita akhirnya belajar bahawa dalam kehidupan ini tidak ada simfoni yang selesai.

Rachel Naomi Remen menulis bahawa berkabung adalah cara kritikal untuk menjaga diri. Untuk tidak bersedih, katanya, adalah penafian akan diri sendiri.

Seseorang boleh merasa lesu kerana mereka tidak bersedih. Novelis Inggeris, Anita Brookner mengulangi kata-kata ini dalam beberapa bukunya.

Mengulas mengenai perkahwinan, Anita menyatakan bahawa tugas pertama dalam perkahwinan adalah: pasangan itu perlu menerima hakikat bahawa mereka tidak selama-lamanya bahagia, pasti ada masa berduka dan berkabung.

Ibu bapa saya tidak membaca karya Karl Rahner, Rachel Naomi Remen atau Anita Brookner, tetapi dalam doa harian mereka, mereka mengingatkan diri mereka bahawa dalam kehidupan ini tiada simfoni yang selesai, bahawa kesedihan adalah penjagaan diri yang sihat, dan menerima air

mata dan kesedihan akan membuat mereka memahami bahawa hanya Tuhan yang boleh menyediakan segala-galanya.

Apa yang perlu kita sedihkan?

Keadaan manusia kita dan segala yang datang bersamanya, iaitu, ketidak kekal, kehilangan masa muda kita, kehilangan keremajaan kita, luka, pengkhianatan, mimpi kecewa, patah hati, kehilangan orang yang disayangi, kematian bulan madu kita, tempat dan institusi kita mulai hilang, ketidakupayaan kita untuk tidak mengecewakan orang lain, kehilangan kesihatan kita dan akhirnya kematian kita, itulah yang perlu kita sedihkan.

Dan bagaimana kita bersedih? Yesus memberikan kita contoh iaitu semasa Dia berduka di taman Getsemani.

Seperti yang diceritakan dalam Injil, Dia “berpeluh darah” semasa menghadapi kematiannya sendiri yang semakin hampir.

Dia berdoa, berdoa secara terbuka dan jujur menyatakan penderitaannya, yang tahu bahawa Dia akan ditinggalkan dalam penderitaan ini, yang mengakui ketidakberdayaan-Nya sendiri untuk melakukan apa sahaja bagi mengubah keadaan, Dia berulang kali memohon kepada Tuhan untuk mengubah keadaan, tetapi tetap minum cawan penderitaan dan menyatakan kepercayaan kepada Tuhan walaupun dalam kedukaan yang amat dalam. Itulah cara Yesus menangis.

Jika Yesus menangis, kita juga harus menangis. Murid seharusnya merendahkan hati di hadapan Guru. Selain itu, kita boleh belajar daripada Yesus bahawa berkabung dan menangis dalam hidup kita tidak semestinya bermakna ada sesuatu yang tidak kena. Ini mungkin bermakna bahawa ada rahmat selepas tempoh “perkabungan” itu.

Adakalanya, kita mendapat izin kudus untuk mengalami penderitaan rohani. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

## Kemurahan Ilahi mengiringi kita hingga akhir hayat

Menurut Injil Markus Yesus sungguh mendidik murid-murid-Nya secara utuh. Mereka diberi tugas dan kemudian diutus untuk melaksanakannya.

Dan ketika mereka pulang dan memberikan laporan kepada-Nya, ternyata Yesus bukan hanya memperhatikan apa yang mereka wartakan, melainkan juga memperhatikan keperluan mereka.

Oleh sebab itu, Dia mengajak murid-murid-Nya pergi ke tempat sunyi untuk beristirahat dan untuk meninjau kembali apa yang telah mereka telah selenggarakan.

Tetapi orang banyak tahu, bahawa Yesus pergi ke seberang danau dengan menaiki perahu. Orang ramai itu berusaha mengikuti Dia melalui jalan darat.

Dan ketika Yesus dan murid-murid-Nya mendarat ke pantai, ternyata umat telah menantikan kedatangan-Nya.

Dalam Injil tercatat: “Ketika mendarat dan melihat jumlah orang yang begitu ramai, tergeraklah hati Yesus oleh belas kasihan kepada mereka seperti domba yang tidak mempunyai gembala”.

Sebagai seorang Gembala sejati Yesus segera bertindak, Dia melupakan keperluan-Nya sendiri untuk beristirahat

dan langsung mulai mengajar lagi.

Kita juga pasti sudah biasa dengan petikan Mazmur, “Tuhanlah gembalaku, tak akan kekurangan daku. Sekalipun aku harus berjalan di lembah yang kelam, aku tidak takut akan bahaya sebab Engkau besertaku”.

Yesus ingin berada bersama dengan murid-murid-Nya, namun pada masa yang sama, Dia ingin memenuhi keperluan orang ramai lalu Dia meninggalkan sementara murid-murid-Nya.

Demi kepentingan dan keperluan yang lebih besar, Yesus melupakan keperluan-Nya sendiri dan memberikan keutamaan kepada keperluan orang lain.

Maka di tempat di mana Dia sepatutnya berehat iaitu di seberang danau, Yesus mulai mengajar lagi!

Injil Markus berkali-kali menyebut bahawa Yesus banyak sekali mengajar. Dan ajaran-Nya selalu membuatkan umat terkesan. Injil mengatakan, “Mereka takjub mendengar pengajaran-Nya, sebab Dia mengajar mereka sebagai orang yang berkuasa, bukan seperti ahli-ahli Taurat” (Mrk 1:22.27).

Dan menurut Injil Markus, mengajar adalah perbuatan yang paling banyak dilakukan oleh Yesus (lih. Mrk 2:13;4:1-

2;6:34; 10:1). Meskipun berkali-kali Markus mengatakan bahawa Yesus mengajar, tetapi tidak selalu ditambahkan apa yang diajarkan oleh Yesus atau apa isi ajaran yang diberikan-Nya.

Pengertian ajaran yang diterima oleh umat tentang isi pokok ajaran yang diberikan oleh Yesus, bergantung dari situasi umat yang mendengarkannya. Mengapa? Kerana setiap orang yang mendengarkan dan memahami apa yang disampaikan orang lain kepadanya, adalah tidak sama!

Yesus mengajar bukan sekadar menyampaikan kebenaran-kebenaran yang baharu. Isi ajaran yang disampaikan Yesus bukan setakat melalui kata-kata tetapi juga disertai sikap dan cara-Nya yang khusus.

Dia memberi teladan dalam cara-Nya bergaul dan berhubung dengan orang-orang yang dijumpai-Nya. Apa yang diucapkan oleh Yesus dipraktikkan dalam perbuatan-Nya. Yesus adalah Peribadi yang menyambut baik setiap orang (lih. Mrk 6:34).

Ia selalu mengkehendaki apa yang baik bagi orang lain. Maka setiap kata yang diucapkan-Nya menunjukkan kebaikan dan kasih-Nya. Yesus menyampaikan

**HARI MINGGU  
BIASA KE-16  
TAHUN B**

**YEREMIA 23:1-6**

**EFESUS 2:13-18**

**INJIL MARKUS 6:30-34**

ajaran-Nya bukan hanya di bait Tuhan atau di kenisah, tetapi di semua tempat di manapun Dia berada. Yesus bukan hanya pengajar, Dia adalah pendidik sejati, guru sejati, gembala sejati.

Dia bukan hanya memberi ajaran untuk mengisi pengetahuan mereka yang mendengar, tetapi mengajak pendengar-Nya untuk menerima, memahami dan menghayati apa yang disampaikan-Nya.

Apa yang diajarkan-Nya sebagai guru, dilaksanakan-Nya sendiri juga sebagai gembala. Seorang guru memberi pelajaran dalam beberapa waktu dalam kelas di sekolah. Tetapi seorang pendidik dan gembala memberi kesaksian atas ajarannya sepanjang hari!

Apa yang diajarkan dan dilakukan Yesus sebagai guru, sebagai pendidik, sebagai gembala, ialah kesaksian kehidupan-Nya sendiri. Dan seluruh hidup dan perbuatan Yesus adalah ungkapan kasih-Nya kepada seluruh umat manusia, dan kepada kita masing-masing. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm*



## Pesta menuai: ungkapan syukur atas berkat Tuhan

KUALA KUBU BAHRU, Selangor: Lebih 60 komuniti dari Sabah dan Sarawak yang tinggal di sekitar Kuala Kubu Bahru, berhimpun dalam Misa Kudus pagi pada Jun 30, di Gereja St Paul the Apostle untuk merayakan Pesta KAGAPE 2024.

KAGAPE merupakan singkatan atau akronim kepada tiga perayaan tradisi iaitu Pesta Kaamatan, Gawai dan Panen yang dirayakan di Malaysia Timur dan masyarakat Indonesia.

Misa dipimpin oleh paderi paroki, Fr VA Michael. Fr Michael berkata komuniti Katolik dari Borneo adalah sebahagian daripada komuniti dan umat paroki Gereja St Paul Apostle.

Selepas Misa, Fr Michael menjemput semua umat untuk menyertai majlis makan tengah hari bersama untuk menikmati juadah tradisional dan makanan dari Malaysia Timur.

## Perayaan Kaamatan, Gawai yang pertama di Gereja Our Lady of Mount Carmel

CAMERON HIGHLANDS, Pahang: Buat pertama kalinya, komuniti Katolik dari Malaysia Timur Gereja *Our Lady of Mount Carmel* menganjurkan pesta Kaamatan dan Gawai pada Jun 30 lalu.

Buat julung kalinya juga, paderi paroki, Fr Augustine Lee merayakan Misa dalam Bahasa Malaysia sempena perayaan kesyukuran ini.

Dalam homilinya sempena hari Minggu Biasa ke-13 di mana bacaan Injil menyentuh tentang iman Yairus dan wanita yang menyentuh jubah Yesus secara rahsia.

Fr Augustine mengatakan kedua-dua orang tersebut menunjukkan iman yang berani dan sangat yakin kepada Yesus sehingga membawa perubahan serta kesembuhan untuk mereka.

Begitu juga, pesta menuai disambut dengan kesyukuran setelah petani



bertungkus lumus mengusahakan tanah mereka demi menghasilkan padi, sayur-sayuran dan buah-buahan dan mereka bergantung kepada Tuhan untuk tuaian yang melimpah ruah.

Dalam upacara persembahan, umat membawa persembahan berupa beras, sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan sebagai tanda kesyukuran atas hasil tuaian yang melimpah ruah sepanjang tahun.

Perayaan Ekaristi juga memasukkan elemen-elemen budaya unik Borneo dalam penggunaan bahasa Kadazan dan Orang Ulu dalam lagu-lagu Misa Kudus.

Selepas Misa, Fr Augustine dalam ucapannya menyatakan harapannya agar pesta Kaamatan dan Gawai dalam menjadi perayaan tahunan di paroki itu di mana umat dari pelbagai budaya, berhimpun bersama sebagai keluarga besar.

# Tiga keramaian tradisi ajak umat utamakan keharmonian

KLANG: Komuniti Umat Berbahasa Malaysia (KUBM) di Gereja Holy Redeemer Klang telah meraikan Pesta KAGAPE (Kaamatan, Gawai dan Panen) pada Julai 7 lalu.

Dengan memakai busana tradisional mereka yang unik dan berwarna-warni, sebelum Misa, kanak-kanak dari Sekolah Minggu mempersembahkan tarian iringan memasuki Gereja sambil diiringi lagu merdu bertajuk "*Leleung uyau along*".

Ahli-ahli koir menggunakan bahasa-bahasa tempatan Sabah dan Sarawak dalam menyanyikan lagu-lagu liturgi misalnya lagu Dusun "*Mamarayou oku Kinorohingan*"



yang bermaksud "Saya memuji Tuhan" sebagai lagu pembukaan dan lagu perutusan dibawakan dalam bahasa Iban dan Bidayah, "*Kitai bergempuru/Kitak bisindit*" yang bermaksud "Kita Berkumpulan".

Acara KAGAPE diteruskan di Dewan Gereja. Acara dimulakan dengan iringan masuk yang ditarikan oleh kanak-kanak Sekolah Minggu untuk mengiringi Fr Andrew Kooi memasuki dewan.

Tarian tersebut, tarian Rejang Beuh ditarikan semasa perayaan hari Gawai sebagai tanda menyambut tetamu yang datang.

Selanjutnya, acara diteruskan dengan memotong pokok Renyai

oleh Fr Andrew, dan dibantu oleh Ketua KUBM, Pn Penny.

Belia KUBM turut mempersembahkan sketsa yang mengisahkan kisah keluarga dari Malaysia Timur yang berada di perantauan, ingin pulang ke kampung halaman mereka untuk meraikan perayaan Kaamatan dan Gawai.

Pesta KAGAPE yang diraikan di Gereja Holy Redeemer ini bukan sahaja ungkapan kesyukuran atas hasil-hasil tuaian kepada Tuhan tetapi sebagai wadah mengeratkan lagi persekutuan bersama menuju Gereja bersemangat Sinodal. — *Crystal Sheejay*

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

E-Mel:  
liza@herald.com.my

## Persoalan tentang madah *Kyrie Eleison*

**Soalan:** Dalam Ritus Romawi, bahasa Latin adalah bahasa rasmi Misa, yang kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa setempat. Namun, ada satu madah dalam liturgi yang berbeza dari yang lain kerana kata-katanya bukan dalam bahasa Latin, melainkan dalam bahasa Yunani.

**Semasa ritus taubat pada awal Misa, paderi atau diakon kadang-kadang akan mengatakan, atau koir menyanyikan, "Kyrie eleison" (Tuhan, kasihanilah kami). Kata-kata dalam bahasa Yunani ini tidak pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin. Mengapa demikian?**

**Jawaban:** Pertama-tama, menurut *Catholic Encyclopedia*, "Ada bukti nyata bahawa liturgi di Roma pada suatu ketika dahulu diucapkan dalam bahasa Yunani (kemungkinan besar sehingga akhir abad kedua).

Selain Misa, Perjanjian Baru pada awalnya ditulis dalam bahasa Yunani dan para rasul sering memberitakan Injil kepada orang-orang Yahudi dan bukan Yahudi yang berbahasa Yunani.

Bahkan, Liturgi Ilahi Gereja-Gereja Timur, yang mempertahankan bentuk-bentuk kuno, memasukkan madah "*Kyrie eleison*, atau dalam bahasa Slavia atau bahasa lainnya dalam kebanyakan bahagian Misa.

Ini merupakan jawapan yang umum untuk

litani, seperti yang kita dengar ketika kita berdoa Litani Para Kudus pada Vigil Paskah.

Namun, beberapa cendekiawan percaya bahawa kata-kata "*Kyrie eleison*" ditambah ke dalam Ritus Romawi. Ini bererti penggunaan kata-kata Yunani dalam Misa Latin memang disengaja dan penting.

Dipercayai bahawa alasan utama mengapa madah "*Kyrie eleison*" tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Latin adalah kerana kata-kata tersebut akan kehilangan makna aslinya. Buku *Orthodox Worship* menjelaskan erti sebenarnya dari madah tersebut.

"Kata *mercy* (belas kasihan) dalam bahasa Inggeris adalah terjemahan dari kata Yunani *eleos*. Kata ini memiliki akar kata yang sama dengan kata Yunani kuno yang bererti minyak atau lebih tepatnya, minyak zaitun. Minyak zaitun sering digunakan secara umum sebagai ubat penenang bagi kecederaan ringan.

Seperti minyak zaitun yang banyak digunakan dalam perubatan, apabila ia dituangkan ke atas luka dan diurut dengan lembut, ia dapat menenangkan dan membuat bahagian yang luka menjadi pulih kembali.

Kata Ibrani, selain *eleos* (belas kasihan) ada juga kata lain yang hampir serupa iaitu *hesed* yang bererti kasih yang teguh.

Kata-kata Yunani untuk 'Tuhan, kasihanilah,'

adalah '*Kyrie, eleison*' juga bermaksud 'Tuhan, tenangkanlah aku, hiburkanlah aku, hilangkanlah kepedihanku, tunjukkanlah kepadaku kasih setia-Mu.'

Dengan demikian, belas kasihan tidak merujuk kepada keadilan atau pengampunan seperti yang sering diinterpretasikan oleh orang Barat, tetapi pada cinta kasih Tuhan yang tak terbatas dan belas kasih-Nya kepada anak-anak-Nya yang menderita!

Dalam pengertian inilah kita berdoa 'Tuhan, kasihanilah kami,' dengan penekanan tinggi sepanjang Liturgi Ilahi."

Kata "*Kyrie Eleison*" menjadi hidup dan menekankan keindahan dan kedalaman belas kasih Tuhan. Ungkapan ini menunjukkan Tuhan yang penuh kasih yang mahu membalut luka-luka kita sebagai Tabib Ilahi.

*Kyrie Eleison* pada awal Misa, mengingatkan kita bahawa Tuhan bukan berdiri sebagai hakim yang kuasa di mahkamah sebaliknya menegaskan kita agar memohon keampunan daripadanya, yang penuh belas kasih, yang siap untuk mengangkat kita ketika kita jatuh.

Jadi, meskipun mungkin kelihatan pelik untuk mengucapkan kata-kata Yunani dalam Misa, Gereja sejak berabad-abad lalu, telah memilih kata-kata tersebut secara istimewa kerana maknanya yang dalam dan kuat. — *Aleteia*

# Sahabat kecil Yesus

Bongkar kod rahsia pada gambar di bawah untuk membaca pesan Yesus.

Tuhan adalah  \_\_\_\_\_  
 takkan  \_\_\_\_\_ aku.  
 Dia  \_\_\_\_\_ aku  
 di padang yang  \_\_\_\_\_  
 hijau, Dia  \_\_\_\_\_  
 aku ke  \_\_\_\_\_  
 yang tenang;  
 Dia menyegarkan  
 \_\_\_\_\_



(Mazmur 23: 1-3)

-  = air
-  = berumput
-  = membaringkan
-  = gembala ku
-  = kekurangan
-  = membimbing
-  = jiwaku

## CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI



D T R A S U L I P Y E S U S  
 T H B O P S E N D I R I A N  
 V B E L A S K A S I H A N A  
 B R K S I A B L B T I S M K J  
 B E R I S T I R A H A T L A K  
 B E R T O L A K K B Z P O P  
 B E R A N G K A T L A N G U  
 M R P T I P E R A H U G I H  
 S I T Q G E M B A L A P

PERAHU RASUL YESUS SENDIRIAN  
 BERISTIRAHAT GEMBALA BERTOLAK  
 PERAHU BERANGKAT BELASKASIHAN

Isi tempat kosong dengan menulis jawapan yang betul

Tetapi sekarang di dalam \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ Yesus kamu, yang  
 dahulu " \_\_\_\_\_ ", sudah menjadi  
 " \_\_\_\_\_ " oleh \_\_\_\_\_  
 Kristus.  
 Kerana Dialah \_\_\_\_\_ sejahtera  
 kita ... yang telah merobohkan  
 \_\_\_\_\_



Efesus 2:13-14

darah Kristus tembok jauh damai dekat pemisah

Hello adik-adik,

Apa khabar? Dalam pembacaan pada hari Minggu ini, Injil Markus memberitahu kita bahawa Yesus banyak mengajar orang.

Antie dapat bayangkan orang ramai sentiasa mahu berjumpa dengan Yesus, berbual, bertanya soalan, meminta penyembuhan dan sebagainya.

Selain itu, para pengikut-Nya juga diutus untuk ke tempat-tempat tertentu bagiewartakan kerajaan Tuhan.

Dan ketika mereka kembali kepada Yesus, mereka berasa letih kerana sudah berjalan jauh.

Yesus memahami para keletihan dan kelesuan para pengikut-Nya sebab itu Dia mengajak mereka untuk pergi ke tempat

sunyi, untuk berehat dan berdoa ke tempat yang terpencil.

Tetapi apa yang berlaku? Ketika sampai di destinasi, orang ramai sudah menunggu mereka. Orang ramai itu tidak memahami Yesus dan para pengikut-Nya perlu berehat.

Ketika Yesus melihat orang ramai itu, Dia tidak berasa marah. Sebaliknya Dia memahami dan berbelas kasihan lalu Dia mengajar lagi.

Semoga adik-adik juga mempunyai kesabaran dan belas kasihan seperti Yesus. Walaupun kita penat, tetapi jika ibu bapa atau adik beradik kita memerlukan pertolongan, bantulah mereka seikhlasnya.

Salam Sayang

Tuhan adalah KASIH (1 Yoh 4:8)

Mari Mewarna





# BELIA MILENIUM

## Jadilah seperti yang Tuhan kehendaki untuk anda



**NILAI, Negeri Sembilan:** Dengan semangat perpaduan dan iman, 93 belia dari Gereja Visitation, Seremban; Gereja St Theresa, Nilai (CSTN); Gereja St Aloysius, Mantin (CSAM); Gereja Immaculate Conception (CIC), Port Dickson dan Chapel Bonda Maria, Kampung Tekir berkumpul untuk Kem Penguatan 2024 di Pusat Pastoral CSTN.

Kem tersebut mengambil tema yang diinspirasi daripada Sta Catherine dari Siena: "Jadilah seperti yang Tuhan kehendaki untuk anda, dan anda akan mengubah dunia!"

Para peserta kem dibimbing oleh Fr Christopher Soosaipillai, Phillip Tay OCD dan Seminarian Charles.

Asella Grace, dari CIC, berkongsi pengalamannya tentang sesi dan aktiviti rohani semasa menyertai kem tersebut.

Katanya, "Tanggapan pertama saya apabila saya datang ke sini ialah: segala-galanya adalah baharu dan tidak biasa bagi saya. Saya belajar tentang keyakinan

diri, batasan diri dan kepentingan Roh Kudus. Bagi saya sesi Pujian dan Penyembahan adalah bahagian terbaik dalam Kem Penguatan 2024!"

Vanessa Liberty Lucas, seorang peserta dari CSTN, mengatakan beliau gembira mengikuti topik-topik yang disampaikan sepanjang kem seperti harga diri, hubungan perempuan dan lelaki dan Roh Kudus. Saya mengalami minggu yang sangat sukar tetapi kem itu telah membakar semula semangat saya. Saya banyak belajar daripada rakan kumpulan saya dan saya amat menyedari kehadiran Roh Kudus dalam

setiap aktiviti!"

Benedict Kar AK Julai, dari Chapel Bonda Maria, Kg Tekir menggemari ajaran tentang dosa yang disampaikan dalam kem tersebut.

"Sesi tentang dosa amat bermakna bagi saya kerana saya belajar tentang dosa besar dan dosa maut. Kem ini juga memberi saya peluang untuk berkenalan dengan para belia dari paroki lain."

Pada akhir kem, para peserta mendapati iman mereka telah diperbaharui serta lebih berani untuk menyebarkan Khabar Gembira kepada sesama.

JAKARTA: "Rangkul dan Tumbuhkan Penganut Muda Katolik untuk Gereja Viral dan Vital", sebuah seruan yang diinspirasi dari dokumen *Christus Vivit* Sri Paus Fransiskus telah membawa 63 perwakilan dari 37 komisi kerasulan belia keuskupan, menghadiri Sidang Pleno Nasional Komisi Belia Indonesia (Komkep), yang diadakan pada bulan Jun lalu.

Para ketua belia yang berhimpun di pusat konferensi para Uskup Katolik, membicarakan tentang dua tindakan penting: merangkul dan berkembang.

Para peserta membincangkan bagaimana memupuk sebuah Gereja yang yang dapat dapat mempengaruhi masyarakat secara positif dan 'viral' dalam menyebarkan pesan Kristus.

Para perwakilan belia mencadangkan pelbagai strategi misalnya meningkatkan pelayanan pastoral serta mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif bagi menangani keperluan praktikal dan rohani kaum muda Katolik.

Mereka juga melihat kejayaan inisiatif



## KOMKEP TETAPKAN STRATEGI BAHARU UNTUK KERASULAN BELIA

baru-baru ini seperti Hari Belia Indonesia III di Palembang dan penyertaan dalam Hari Belia Sedunia di Fatima pada tahun lalu.

Para perwakilan juga bersetuju belia beberapa cabaran berterusan seperti isu

kesihatan mental, kekurangan pekerjaan selepas pandemik, kebimbangan alam sekitar dan pengaruh teknologi digital yang meluas terhadap golongan muda. Para perwakilan bersetuju bahawa cabaran ini

memerlukan komitmen yang diperbaharui untuk melibatkan Roh Kudus dalam membimbing inisiatif belia Gereja.

Oleh sebab itu, hasil daripada persidangan itu, para perwakilan bakal bersedia untuk menjadi sahabat kepada semua kaum muda Katolik, mempromosi semangat keterbukaan dan kerjasama.

Mereka tekad, ketika kembali ke paroki masing-masing, dengan bekerjasama dengan paderi paroki, para perwakilan akan mula memupuk persekitaran di mana golongan muda boleh berasa benar-benar terlibat dan dihargai.

Ini termasuk mewujudkan peluang untuk golongan muda untuk memimpin dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti Gereja dan komuniti, memastikan mereka mempunyai ruang untuk menyatakan pendapat dan kebimbangan mereka.

Perhimpunan itu diakhiri dengan seruan dan sokongan kuat terhadap misi Gereja demi memupuk komuniti kaum muda yang bertenaga, menarik dan menyokong semua belia Katolik. — *licas.news*

# Dalam proses sinode, Gereja mendengar Tuhan

VATIKAN: Gereja Katolik hanya dapat mendidik umat beriman jika ia adalah institusi yang mendengar, kata Kardinal Mario Grech, setiausaha agung Sinode para Uskup.

Tegasnya, “Gereja tidak tertarik pada tinjauan pendapat. Gereja selalu dan hanya mendengarkan suara Tuhan.”

Kardinal Mario membentangkan dokumen kerja untuk sidang kedua Sinode Para Uskup mengenai Sinodaliti dalam sidang akhbar di Vatikan pada Julai 9.

Sri Paus Fransiskus menjelaskan bahawa Tuhan berbicara dalam banyak cara termasuk melalui Kitab Suci, dan “juga melalui iman umat Tuhan, suara para paderi dan karisma para teologi,” di mana, melalui semua “saluran” ini, kebenaran Tuhan terus diungkapkan.

Masa antara dua perhimpunan sinode, di mana Sekretariat Sinode sekali lagi meminta input daripada Gereja-gereja tempatan berdasarkan penemuan-penemuan dari perhim-



Sidang akhbar untuk memaparkan *Instrumentum Laboris Sinode*. Gambar: Media Vatikan

punan sinode tahun lepas, “selalu dan hanya untuk mencari, dengan alat yang pastinya sempurna yang kita ada, untuk mengetahui dan membicarakan apa yang Tuhan ingin katakan kepada Gereja pada masa ini,” katanya.

Kardinal Grech menyatakan, 108 dari 114 konferensi para uskup telah menyerahkan jawapan atas pertanyaan dari sekretariat

sinode untuk membentuk dokumen kerja.

Kardinal Jean-Claude Hollerich, relator jeneral sinode, mengatakan pada para wartawan bahawa laporan dari konferensi-konferensi para uskup “dengan sebulat suara memberi keterangan, tanpa menyembunyikan perjuangan dan kesukaran perjalanan sinodal, juga perasaan gembira dan syukur atas proses

sinodal.”

Prelatus itu mengatakan bahawa Gereja-gereja tempatan melaksanakan konsultasi kedua setelah fasa sinode universal pertama “dengan kebebasan dan kreativiti yang lebih besar.”

Ditanya sama ada topik diakon wanita masih dipertimbangkan selepas Sri Paus Fransiskus menolak pentahbisan diakon wanita seperti yang disiarkan pada Mei 20, Kardinal Grech berkata “menurut maklumat yang kita ada hari ini, jawabannya tetap tidak, tetapi pada masa yang sama, Bapa Suci telah berkata bahawa refleksi, kajian teologi yang lebih mendalam, harus diteruskan.”

Menurut Fr Riccardo Battocchio, seorang ahli teologi dan setiausaha khas, bahasa dokumen Sri Paus Fransiskus “bukan tentang struktur Gereja Katolik” tetapi untuk memastikan wanita dilibatkan dalam pengambilan keputusan. — *media Vatikan*

## Kedatangan Sangti Papa ke Singapura, menyemarakkan dialog

TAKHTA SUCI: Menjelang kunjungan Sri Paus Fransiskus ke Singapura pada bulan September ini, dialog tentang interaksi antara kepercayaan dan dasar awam semakin rancak di republik itu.

Lawatan Sri Paus Fransiskus pada September 11–13 ke Singapura sangat dinanti-nantikan, bukan sahaja oleh komuniti Katolik tempatan tetapi juga oleh masyarakat dari negara-negara tetangga, memandangkan potensinya untuk mempengaruhi perbincangan mengenai pelbagai isu mendesak, termasuk keadilan sosial, nilai keluarga dan pendidikan.

Ahli parlimen Katolik Singapura, Alex Yam (gambar) berkongsi pandangan tentang bagaimana ajaran Bapa Suci membebaskan pendekatannya terhadap isu-isu kemasyarakatan yang mendesak di Singapura.



Yang terkenal dengan pengintegrasian nilai-nilai agama dalam gerak kerja politiknya, menekankan kepentingan menjaga maruah

setiap individu.

“Sebagai umat Katolik, kita dipanggil untuk menjunjung maruah setiap orang, tidak kira apa status mereka dalam kehidupan, pandangan atau orientasi seksual, kerana kita semua dicipta dalam imej dan rupa Tuhan,” katanya.

Singapura pada masa ini bergelut dengan perubahan masyarakat seperti peningkatan kadar perceraian dan penurunan kadar kelahiran yang mencabar struktur keluarga tradisional.

Mengenai jurang ekonomi, Yam menekankan komitmen Gereja terhadap keutamaan terhadap golongan miskin.

“Walaupun kemiskinan tegar di Singapura tidak seperti tempat lain, tetapi tetap wujud jurang yang semakin melebar antara kaya dan miskin,” katanya seraya mengatakan visi Sri Paus tentang cinta, keadilan dan perpaduan mencabar umat beriman untuk menangani ketidakadilan masyarakat, menyokong golongan terabai dan menggalakkan dialog serta perdamaian dengan meletakkan Kristus sebagai pusat kehidupan kita, komuniti kita dan negara kita, ujar Alex.

Sebagai Ahli Parlimen Katolik, Alex berkata beliau mempraktikkan imannya melalui kerjasama harian dengan pemimpin merentasi pelbagai sektor untuk menangani cabaran sosial. — *media Vatikan*

## Para pemimpin agama dunia bincang etika AI untuk keamanan



Peserta perhimpunan AI untuk keamanan di Hiroshima, Jepun.

HIROSHIMA, Jepun: Ketika para pemimpin agama dari seluruh dunia berkumpul untuk membincangkan “Etika AI untuk Keamanan” di Hiroshima, pada Julai 9 dan 10, Sri Paus Fransiskus mengatakan perhimpunan para pemimpin pelbagai agama di bandar yang hampir musnah akibat bom atom pada Ogos 1945, menunjukkan kecerdasan buatan (AI) dan keamanan adalah dua isu yang amat penting.

Sri Paus Fransiskus mengimbas kembali seruannya kepada pemimpin politik G7 ketika mereka berkumpul di Puglia, Itali di mana Sri Paus menekankan pentingnya mengekalkan pembuatan keputusan di tangan manusia dan bukannya bergantung pada mesin.

Katanya, keputusan yang baik memerlukan kebijaksanaan dan penilaian manusia. Terlalu bergantung pada AI boleh menjejaskan maruah manusia.

Sri Paus Fransiskus menegaskan, “Adalah

penting kita bersatu sebagai saudara dan saudari sambil mengingatkan dunia akan tragedi konflik bersenjata, mempertimbangkan semula pembangunan dan penggunaan peranti yang boleh merampas nyawa dan akhirnya mengharamkan penggunaannya. Tidak ada mesin yang boleh memilih untuk mengambil nyawa seorang manusia,” tegas Sri Paus.

Bapa Suci meminta para pemimpin agama untuk meneliti kerumitan isu yang sedang berlaku pada masa ini.

“Kita mengiktiraf sumbangan kekayaan budaya masyarakat dan agama dalam peraturan AI. Inilah kunci kepada kejayaan komitmen anda terhadap pengurusan inovasi teknologi yang bijak,” kata Sri Paus.

Akhirnya, Bapa Suci menyatakan harapannya bahawa perhimpunan itu mungkin “membuahkan hasil dalam membawa persaudaraan dan kerjasama”. — *media Vatikan*

## Vatikan terbit jadual 12 hari perjalanan Sri Paus ke Asia

ROMA: Sri Paus Fransiskus akan bertemu dengan kaum muda, kumpulan-kumpulan minoriti, pegawai pemerintah, uskup, paderi, religius dan misionari ketika berkunjung ke Indonesia, Papua New Guinea, Timor-Leste dan Singapura pada bulan September.

Perjalanan ke Asia selama 12 hari itu akan menjadi perjalanan terpanjang sepanjang kepausannya.

Bapa Suci akan mengunjungi: Jakarta, September 3-6; Port Moresby dan Vanimo, Papua New Guinea, September 6-9; Dili, ibu kota Timor-Leste, September 9-11; dan Singapura pada September 11-13.

Fokus pada kunjungan ini adalah pertemuan dengan orang-orang di negara-negara yang juga berada di hujung bumi yang

paling jauh.

Sri Paus Fransiskus akan bertemu dengan warga tua, sakit, “anak jalanan”, orang kurang upaya dan semua orang yang melayani mereka, serta para pemimpin kerajaan dan masyarakat sivil.

Semasa berkunjung ke Indonesia, sebuah negara berpenduduk majoriti Muslim, Bapa Suci akan mengadakan pertemuan antara agama di Masjid Istiqlal Jakarta.

Bapa Suci juga akan mengadakan pertemuan antara agama dengan generasi muda di Singapura, yang menurut analisis *Pew Research Center* tahun 2014, muncul sebagai negara yang mempunyai paling banyak ragam agama di dunia.

Dengan jumlah penduduk 281.5 juta, Indonesia memiliki populasi terbesar

keempat di dunia dan populasi Islam terbesar di dunia.

Negara kepulauan Papua New Guinea adalah anggota Komanwel British dengan penduduk sekitar 10 juta. Negara ini dianggap sebagai negara yang paling banyak bahasa peribumi iaitu sekitar 840 bahasa peribumi yang dikenal pasti.

Diakui sebagai negara merdeka pada tahun 2002, Timor-Leste masih menjadi salah satu negara termiskin di dunia setelah bertahun-tahun mengalami konflik dan ketidakstabilan.

Sebagai bekas koloni British, Singapura pada masa ini adalah salah satu negara paling makmur di dunia yang mempunyai sekitar enam juta penduduk. — *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus akan melawat Masjid Istiqlal, Jakarta bagi pertemuan antara agama.

MISA KUDUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Jangan takut mencari Tuhan “di sudut-sudut gelap”

TRIESTE, Itali: Apa yang dunia perlukan sekarang ialah “sensasi iman,” kata Sri Paus Fransiskus semasa menyampaikan Misa Kudus pada Julai 7, di bandar Trieste, Itali pada akhir Minggu Sosial Katolik Itali ke-50.

Bapa Suci memulakan renungannya dengan menyatakan bahawa Yesus sendiri telah ditolak oleh orang-orang sebangsa dan orang-orang kampung-Nya sendiri kerana mereka melihat Yesus sebagai manusia biasa.

Orang-orang itu menolak Yesus kerana mereka hanya melihat kehidupan-Nya yang biasa sebagai “anak Yosef tukang kayu,” dan mereka tidak dapat memahami sumber kebijaksanaan-Nya dan mukjizat-mukjizat-Nya.

Orang-orang itu menyifatkan Tuhan haruslah yang perkasa, berkuasa boleh difahami dan menarik. Tetapi Yesus adalah Tuhan yang lemah, bahkan sampai mati di kayu Salib; Tuhan yang mencabar kita untuk hidup untuk orang lain. Dia adalah Tuhan yang membuat kita tidak selesai malah menyusahkan kita!

## Kita perlukan “skandal iman”!

Namun, “skandal iman” inilah yang diperlukan hari ini, kata Sri Paus.

“Kita memerlukan skandal iman” yang prihatin terhadap masalah dunia ini, yang berakar pada Inkarnasi, iman “yang memasuki sejarah, menyentuh kehidupan manusia, dan menjadi raga harapan dan benih untuk yang dunia baharu.”

Sri Paus Fransiskus menegaskan bahawa Tuhan ditemui dengan tepat “di sudut-



Sri Paus Fransiskus bersalaman dengan para umat sebelum Misa Kudus di bandar Trieste, Itali. Kredit Gambar: [www.intrieste.com](http://www.intrieste.com)

sudut gelap kehidupan kita dan kota-kota kita” dan Dia juga dapat ditemui dalam kalangan mereka yang “dilupakan, diabaikan, dipinggirkan dan terbuang.”

Terlalu kerap, kita sering tersinggung dengan perkara remeh temeh, sedangkan kita seharusnya marah terhadap kejahatan yang berleluasa, kehidupan yang dihina lebih-lebih lagi dalam kalangan migran dan banduan.

Seperti Yesus, yang walaupun ditolak, dibicarakan dan dihukum mati, “tetap setia pada misi-Nya” — kita orang Kristian juga dipanggil untuk menjadi nabi dan saksi Kerajaan Tuhan, dalam apa jua tempat atau situasi yang kita temui.

“Janganlah kita berasa ragu atau tersinggung terhadap Yesus; tetapi, sebaliknya, marilah kita marah dan bertindak pada semua situasi di mana kehidupan dihina, cedera dan dibunuh,” kata Bapa Suci Fransiskus.

Dalam permohonan khasnya kepada Gereja di Trieste, Sri Paus Fransiskus menyeru, “Berusahalah ke hadapan! Teruskan berada di barisan hadapan untuk menyebarkan Injil sukacita, terutamanya kepada mereka yang tiba dari laluan Balkan dan kepada semua orang yang, secara jasmani atau rohani, mereka memerlukan sokongan dan persahabatan daripada kita.” — *media Katolik*

PENULIS BERKICAU

## Hidup atau mati, berkat atau kutuk

Sinodaliti merupakan satu topik yang hangat dibincangkan sejak kebelakangan ini. Dari permulaan kepausannya, Sri Paus Fransiskus mencabar seluruh Gereja untuk membuang sikap mementingkan diri agar lebih berdialog dengan orang lain.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, terdapat hala tuju positif ke arah memberi keistimewaan kepada golongan miskin yang seakan-akan dilupakan dalam dokumen dan teologi Gereja.

Kemunculan teologi pembebasan, teologi feminis, teologi migran, inkulturasi, dialog antara agama — cuba memulihkan perkara-perkara yang terabai dalam banyak wacana Gereja kita.

Tetapi ada satu wacana sinodaliti yang masih senyap atau kurang mendapat perhatian iaitu teologi ekologi dan penjagaan bumi yang merupakan rumah kita bersama.

Dua ensiklik Sri Paus baru-baru ini — ‘*Laudato Si*’ dan ‘*Laudate Deum*’ — cuba membangkitkan perhatian di kalangan umat beriman, tetapi mungkin mengambil sedikit masa untuk menjadi wacana popular, walaupun seluruh dunia sudah cemas dengan kesan buruk perubahan iklim.

Keuskupan-keuskupan di Malaysia juga telah melancarkan kempen *Lindungi Bumi kita, Lindungi anak-anak kita* (PROTEC) yang akan memasuki tahun kelima pada tahun ini.

Namun, berapa ramai yang tahu akan kempen ini? Siapa yang ingat akan tema kempen PROTEC sejak tahun pertama ia dilancarkan?

PROTEC Tahun ke lima akan dilancarkan pada September 1, di Keuskupan Agung Kuala Lumpur dengan Misa Kudus.

Semoga pelancaran PROTEC Tahun Ke lima pada bulan September ini mengingatkan kita akan dunia yang jika lambat bertindak segera dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, ia akan memusnahkan singki karbon semulajadi yang amat berharga seperti hutan semula jadi kita, yang merupakan paru-paru planet ini.

Laporan Sintesis Sinodal dari Vatikan membicarakan tentang kekurangan tindak balas terhadap seruan bumi: “Untuk membantu mereka yang miskin, ia juga memerlukan kita melibatkan diri dalam menjaga bumi iaitu rumah kita bersama: jeritan bumi dan jeritan mereka yang miskin adalah saling berkaitan.

Kurangnya tindak balas terhadap seruan ini menjadikan krisis ekologi dan perubahan iklim khususnya, menjadi ancaman kepada kelangsungan hidup manusia” (SR No. 4).

Mengapa kita kurang mendengar jeritan orang miskin dan jeritan bumi? Apa yang perlu kita lakukan?

Laporan Negara Habitat PBB 2023, kebanyakan negara-negara di Asia Tenggara misalnya Filipina, Indonesia dan Malaysia mempunyai empat isu alam sekitar terbesar: pencemaran udara, pencemaran plastik, pencemaran laut dan kenaikan paras laut.

Tanah, hutan, sungai kita menjerit bahawa ia sedang terhakis, menggelongsor dan tercemar.

Sebagai umat Tuhan yang diberi tanggungjawab sebagai penjaga bumi, mari kita cuba mendengar dan menjawab seruan bumi.

Mungkin apa yang dinyatakan oleh Musa kepada orang Israel sebelum mereka memasuki Tanah Perjanjian boleh menjadi satu peringatan untuk kita: ‘Hari ini, aku menawarkan kepadamu pilihan hidup atau mati, berkat atau kutuk. Pilihlah kehidupan dan kemudian keturunanmu akan hidup.’ (Ul. 30:19-20).

## Idea sederhana mengajar anak berdoa

Berdoa bersama anak-anak memang tidak mudah, terutama jika anak-anak masih sangat muda. Agar aktiviti berdoa tidak menimbulkan tekanan atau putus asa, berikut merupakan empat cadangan yang mungkin baik untuk ibu bapa:

### Puji Syukur

Berdoa singkat dimulakan dengan ungkapan puji syukur. Ucapkan pujian syukur kepada Bapa atas segala karunia-Nya pada hari tersebut misalnya: *Kami berterima kasih Bapa kerana anak-anak pergi dan kembali dengan selamat dari sekolah, kami berterima kasih Bapa kerana Engkau memberikan kesihatan*

*yang baik, kami berterima kasih Bapa kerana hari ini berjalan sangat baik, tidak ada kemalangan, bencana dan tidak ada yang jatuh sakit ...*

### Meminta maaf

Langkah kedua, selepas berterima kasih, mohonlah permintaan memohon kemaafan daripada Tuhan. Mungkin ibu atau bapa boleh memberi contoh dengan mengatakan: *Kami meminta maaf Bapa kerana hari ini kami lupa berterima kasih kepada-Mu, kami meminta maaf Bapa kerana hari ini saya tidak mendengar kata ibu ...* dan luangkan masa beberapa minit agar anak-anak dapat

mengingati kembali kesalahan mereka di dalam hati.

### Doa Permohonan

Segala sesuatu yang kita miliki berasal daripada Tuhan. Doa permohonan dapat menyangkut hal apa saja, sebolehnya tentang hal dunia atau kerohanian misalnya, *Ya Tuhan kami berdoa agar Engkau memberkati seluruh kanak-kanak di dunia yang sedang menderita kerana peperangan, bencana dan kemiskinan ...* atau *Ya Tuhan, kami berdoa untuk orang-orang tua yang terabai, semoga Engkau memanggil mereka yang tulus hati untuk melawat dan menjaga mereka ...* atau ... *Ya Tuhan, kami berdoa untuk para paderi dan religius kami. Semoga mereka sentiasa tabah dan dijauhkan dari segala godaan.*

### Ungkapan Terima Kasih

Tutup doa dengan ungkapan “Kami mengasihi-Mu Tuhan” yang menunjukkan sikap bahawa Tuhan adalah yang kita perlukan dalam keluarga dan dalam meneruskan kehidupan.

Berdoa bersama anak-anak juga boleh ditambah dengan sedikit doa devosi kepada para kudus.

Doa melalui para kudus ini dapat menjadi kesempatan dalam memperkenalkan anak-anak anda kepada para kudus misalnya Bonda Maria dan santo-santa yang menjadi nama baptis mereka. — *Terang Iman*



## Radio Online Kekitaan sebagai mempengaruhi dan misionari digital zaman *now*

KENINGAU: Kardinal dan para Uskup/Agung Malaysia dan vikariat Brunei telah melawat radio online Kekitaan pada Julai 4 lalu.

Para Uskup tersebut berada di Keuskupan Keningau untuk mesyuarat dwi tahunan mereka pada Julai 1 hingga 4.

Rombongan para Uskup itu disambut oleh Fr David Gasikol, Sdra Didiroy (Pengurus Studio Radio Kekitaan) dan beberapa orang penyampai radio.

Semasa di studio, para Uskup diberi penerangan ringkas tentang sejarah penubuhan radio Kekitaan dan bagaimana ia beroperasi.

Dalam lawatan selama sejam beberapa orang Uskup termasuk Kardinal Sebastian telah ditemuramah manakala para Uskup lain diminta membuat *jingle* bagi memperkenalkan Radio Online Kekitaan.

Kardinal Sebastian diminta untuk memberikan maklumat terkini tentang permohonan beatifikasi dan kanonisasi seorang wirawati perang kedua, Sybil Kartigasu dan pandangannya tentang radio online.

Prelatus itu menerangkan secara ringkas bahawa Keuskupan Pulau Pinang dalam proses awal untuk permohonan beatifikasi dan kanonisasi Sybil Kathigasu.

Menurut Kardinal, jika permohonan ini dipersetujui oleh Vatikan, prosesnya akan mengambil masa yang lama.

Kardinal Sebastian yang juga Uskup Pulau Pinang memuji Radio Kekitaan yang menggunakan bahasa Malaysia, bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

"Kita mempunyai mandat misionari yang diberikan oleh Yesus kepada kita iaitu untuk



Lawatan Kardinal Sebastian dan para Uskup ke studio radio online Kekitaan.

menyebarkan Khabar Sukacita kepada semua orang. Dan pada masa ini, mandat ini dapat kita sebar secara digital."

"Saya gembira dan bangga kerana radio online Kekitaan ini merupakan barisan hadapan yang menjadi misionari digital Katolik!" kata Kardinal Sebastian.

Uskup Agung Simon Poh dari Kuching dan Uskup Joseph Hii pula membahagikan perkongsian singkat mereka tentang pengalaman mereka berada di Keuskupan Keningau.

Bagi Uskup Agung Simon Poh, prelatus itu mengatakan, "Saya sangat bersukacita dan bersyukur kerana berpeluang merayakan ulang tahun Uskup Cornelius yang ke-75.

"Saya melihat umat di sini sangat menyayangi dan menghormati gembala mereka iaitu Uskup Cornelius Piong."

Uskup Metropolitan Kuching itu turut kagum dengan pertumbuhan dan perkembangan iman di keuskupan Keningau di bawah pimpinan Uskup Cornelius.

Katanya, "Saya melihat bagaimana Uskup Cornelius sangat mengambil berat, memberikan nyawa dan tenaganya selama 31 tahun sebagai uskup. Saya juga belajar bagaimana iman diekspresikan melalui budaya solidariti dan kekitaan di keuskupan ini."

Selepas lawatan ke Radio Online, para Uskup beredar ke Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal untuk acara selanjutnya bersama komuniti di sana.

## Gereja harus proaktif bawa pesan *Laudato Si'*

KOTA KINABALU: "Menyedarkan sesama akan kesedaran dan tanggungjawab menjaga ciptaan adalah penting. Gereja-gereja perlu lebih proaktif dalam membawa pesan utama *Laudato Si'*," kata Fr Fabian Dicom, pengarah Caritas Malaysia.

Fr Fabian menyatakan seruan itu sebagai tindak balas terhadap banjir teruk di daerah Penampang, di Sabah.

Menurut laporan berita, pada Julai 5 lalu, lebih 2,300 keluarga terjejas akibat banjir yang melanda sekurang-kurangnya 16 kampung di daerah Penampang.

"Kesan banjir kali ini lebih teruk berbanding banjir sebelum ini. Ketinggian air banjir melebihi anggaran biasa," kata Sr Anita James, koordinator Caritas Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Organisasi Caritas dalam Keuskupan Agung Kota Kinabalu dengan pantas mengaktifkan semua unit Caritas paroki untuk menyenaraikan nama-nama yang memerlukan bantuan, meskipun ramai ahli Caritas sendiri terjejas secara peribadi akibat banjir.

Pembimbing Rohani Caritas Kota Kinabalu, Fr Terans juga turut turun padang bersama tim Caritas di sekitar kawasan terjejas bagi menghulurkan bantuan.

Caritas Nasional juga telah mengeluarkan dana untuk membantu Caritas Kota Kinabalu dalam membeli peralatan seperti



Fr Terans Thadeus, Penasihat Rohani Caritas KK (paling kiri), turun padang memberi bantuan kepada mangsa banjir di Penampang.

generator dan pam jet air.

Fr Fabian berkata bahawa selain memberikan bantuan dan bantuan pemulihan, Gereja mesti secara aktif membantu orang ramai mengenali dan memahami hubungan antara krisis iklim, kesusahan manusia, kemiskinan dan isu migrasi.

"Krisis alam sekitar adalah sangat kritikal sehingga kita harus bersedia bukan sahaja dari segi pengurusan bencana tetapi lebih dari itu," kata Fr Fabian.

### Banjir terburuk

"Selama ini tak pernah lagi banjir sampai paras pinggang walaupun sudah lebih 60 tahun tinggal di sini," kata Luther Siambun, salah seorang penduduk di daerah Penampang

yang merupakan mangsa banjir.

Kenyataan ini turut disokong oleh Anne B Lasimbang, pengasas dan pengarah eksekutif PACOS Trust yang mengatakan banjir tahun ini terbukti amat dahsyat disebabkan peningkatan intensiti hujan dan pembangunan infrastruktur.

Anne mengatakan perubahan iklim baru-baru ini telah membawa kepada hujan yang lebih lebat, menumpukan hujan lebat di kawasan tertentu dan memburukkan lagi keadaan banjir.

PACOS yang merupakan sebuah organisasi membantu komuniti Orang Asli di Malaysia, turut bergabung tenaga dengan Caritas dan kumpulan Gereja lain dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir.



## Bina Gereja melalui budaya dan tradisi

PULAU PINANG: Dengan tema, "Berjalan bersama membina Gereja melalui budaya dan tradisi berlandaskan kasih Yesus," Gereja Katolik Risen Christ, Air Itam telah mengadakan Misa kesyukuran sempena sambutan pesta menuai pada Jun 29 lalu.

Pesta menuai yang juga dikenali sebagai pesta KAGAPA (Kaamatan, Gawai, Panen) merupakan perayaan tradisi bagi masyarakat yang berasal dari Malaysia Timur dan Indonesia.

Pesta KAGAPA bukan sekadar perayaan tradisi tetapi juga merupakan waktu yang sakral bagi merenung serta bersyukur

atas segala berkat hasil bumi yang diberikan oleh Tuhan.

KAGAPA telah dirasmikan oleh paderi paroki, Friar Esmond Chua OFM, diiringi para pembantunya, Friar Crispus Mosinoh OFM, Fr Desmond Jansen dan Diakon Nelson Evarinus OFM.

Antara tetamu yang turut hadir adalah daripada Tim Apostolate Bahasa Malaysia (ABM) Keuskupan Pulau Pinang yang diketuai oleh Sdra Byron Gilbert, para religius dari kongregasi FSIC dan OFM Kapusin serta para mahasiswa dari Universiti Sains Malaysia. — *Alice Anak Silling*



Uskup Julius bersama umat Telupid sambut Hari Kebudayaan paroki St Martin.

TELUPID: Uskup Julius Dusingitom mengunjungi paroki Telupid baru-baru ini bagi merayakan Hari Kebudayaan

paroki St Martin yang bertema "Berjalan Bersama, Menghargai Ciptaan Tuhan dan Menghormati Budaya."